

09/09/2003

Keselamatan Lima '03 dipertingkat

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Lebih 1,000 anggota keselamatan ditugaskan sepanjang Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (Lima `03) bermula 30 September hingga 5 Oktober ini.

Mereka adalah kira-kira 900 anggota polis manakala bakinya Pasukan Khas Udara (Paskau) bagi mengawasi segmen aeroangkasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) dan pasukan khas Laut (Paskal) di Awana Porto Malai bagi segmen maritim.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata jumlah anggota keselamatan itu lebih besar berbanding Lima `01 sebagai langkah keselamatan berikutan perkembangan semasa di Asia Tenggara dan Asia Barat.

"Ada sedikit tambahan dari segi anggota keselamatan berbanding Lima dua tahun lalu kerana ada kawasan yang kita fikir patut tambah. Bagaimanapun, kita bagi jaminan, kita akan lakukan apa saja yang perlu untuk menjamin keselamatan ketika Lima berlangsung.

"Kepada peserta luar negara, mereka tidak harus bimbang," katanya pada sidang akhbar di Awana Porto Malai, Tanjung Malai, selepas melawat dua tapak pameran Lima `03, di sini, petang semalam.

Terdahulu, beliau meninjau tapak pameran aeroangkasa di LTAL sejurus mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Lima `03 di Hotel Helang, di sini.

Turut mengiringi beliau, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Tan Sri Hashim Meon; Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd (Le Proton Lima), Datuk Mohd Radzi Manan; Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn Bhd (HW Lima), Tan Sri Abdul Wahab Nawawi; Panglima Tentera Udara, Jeneral Datuk Seri Abdullah Ahmad dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Anwar Mohd Nor.

Najib sebelum itu turut menyaksikan majlis memeterai perjanjian persefahaman di antara kementeriannya dan Le Proton Lima serta HW Lima bagi menentukan bidang tugas masing-masing dalam menjayakan pameran dwitahunan itu.

Sambil menyatakan puas hati dengan tahap persiapan Lima `03, beliau menjangkakan Lima kali ini tetap meriah meskipun ada kekangan dan kesan negatif perkembangan dunia mutakhir berikutan perang Iraq dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Ditanya keistimewaan Lima `03 berbanding Lima yang pernah diadakan sebelum ini, Najib berkata, satu kejutan akan dilakukan pada jamuan malam Lima, di Dataran Lang, 3 Oktober ini, sebagai tanda penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau bagaimanapun enggan menjelaskan bentuk `kejutan itu.

Katanya, segmen aeroangkasa akan dilancarkan Perdana Menteri pada 30 September.

"Kita dapat menyaksikan pertunjukan udara oleh pasukan aerobatik Red Arrows dari United Kingdom dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang akan menggunakan empat pesawat F5E, lima pesawat MiG-29 dan enam F18D.

"Kita juga akan menyaksikan juruterbang TUDM menerbangkan pesawat Super Lynx buat pertama kali," katanya sambil menambah pengunjung juga berpeluang menyaksikan pertunjukan payung terjun oleh pasukan 10 Briged.

Najib berkata, sehingga kini, 25 negara sudah mengesahkan penyertaan bagi segmen aeroangkasa membabitkan 86 pesawat dengan kawasan pameran 18,000 meter padu sudah ditempah.

Beliau bagaimanapun mengakui penyertaan kali ini sedikit berkurangan berbanding Lima 01 apabila 40 peratus daripada mereka yang dijemput mengesahkan hadir berikutan kesan Perang Iraq, SARS dan perubahan tarikh Lima kali ini yang lazimnya diadakan pada Disember.